

JABATAN BENDAHARI

Ruj. Kami : UPSI/BEN/B/570/2022 (02)
Tarikh : 2 JULAI 2022
ZULHIJjah 1443
SB

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL.2/2022 – GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN BAGI
PENGANJURAN PERSIDANGAN OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Induk Kali Ke- 25 Bil.1/2022 pada 29 Jun 2022 telah bersetuju untuk meluluskan Garis Panduan Pengurusan Kewangan Bagi Penganjuran Persidangan Oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) UPSI.

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan tujuan garis panduan ini disediakan adalah untuk memberi panduan kepada semua warga UPSI mengenai pengurusan kewangan bagi penganjuran persidangan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) UPSI dengan menyediakan format pengiraan bagi :-

- 3.1 Penetapan yuran penyertaan; dan
- 3.2 Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan :-
 - a. Persidangan di luar UPSI
 - b. Persidangan di dalam UPSI
 - c. Persidangan di Scholar's Suite UPSI (Dengan Penginapan)
 - d. Persidangan di Scholar's Suite UPSI (Tanpa Penginapan)

4. Sehubungan itu, Garis Panduan Pengurusan Kewangan Bagi Penganjuran Persidangan Oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) UPSI boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Bendahari <http://bendahari.upsi.edu.my>.

5. Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“UPSI NO. 1 PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,


(H.J. MOHAMAD NAJIB BIN H.J. MOHAMED, C.A. (M), ASEAN CPA)
Bendahari

JABATAN BENDAHARI

s.k : **Yg. Bhg. Dato Naib Cancelor**
Timbalan Naib Cancelor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Cancelor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**UPSI
No.1
PENDIDIKAN**

